

**ENDORSMEN COMMERCIAL VEHICLE 365 PLAN (BUKAN TARIF)**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, manfaat-manfaat berikut akan dilampirkan sebagai tambahan kepada polisi insurans asas **Anda** tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah. Sila rujuk kepada Jadual untuk pelan yang dibeli di bawah **Endorsmen** ini.

**JADUAL MANFAAT-MANFAAT**

| No            | Manfaat-Manfaat                                                                                                 | Commercial Vehicle 365 Plan |               |          |                                                                                |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|---------------|----------|--------------------------------------------------------------------------------|
|               |                                                                                                                 | “Permit” A & C              |               |          | Syarat-Syarat                                                                  |
|               |                                                                                                                 | Pelan 1                     | Pelan 2       | Pelan 3  | Setiap Individu / Kejadian                                                     |
| Kod Endorsmen |                                                                                                                 | MCVCO001                    | MCVCO002      | MCVCO003 |                                                                                |
| 1             | Kematian Akibat Kemalangan                                                                                      | Pemandu / Atendan           |               |          | setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                    |
|               |                                                                                                                 | Tidak Berkenaan             | RM20,000      | RM50,000 |                                                                                |
|               | Hilang Upaya Kekal                                                                                              | Pemandu / Atendan           |               |          | setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                    |
| 2             | a) Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki                                                                  | Tidak Berkenaan             | RM20,000      | RM50,000 |                                                                                |
|               | b) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata                                                                  |                             |               |          |                                                                                |
|               | c) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki                                                                   |                             |               |          |                                                                                |
|               | d) Kehilangan penglihatan sebelah mata dan sama ada sebelah tangan atau kaki                                    |                             |               |          |                                                                                |
|               | e) Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki                                                                 |                             | RM10,000      | RM25,000 |                                                                                |
|               | f) Kehilangan penglihatan sebelah mata                                                                          |                             |               |          |                                                                                |
| 3             | Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan                                                                        | Pemandu / Atendan           |               |          | setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                    |
|               |                                                                                                                 | Tidak Berkenaan             | Up to RM1,000 |          |                                                                                |
| 4             | Elaun Ihsan Banjir                                                                                              | RM5,000                     |               |          | satu tuntutan / setiap tahun polisi / setiap kenderaan                         |
| 5             | Elaun Ehsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kereta                                                    | RM2,000                     |               |          | satu tuntutan / setiap tahun polisi / setiap kenderaan                         |
| 6             | Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Tunda<br>(Kenderaan berumur 15 tahun dan bawah; 8,000kg dan bawah) | Sehingga 150km              |               |          | setiap perjalanan / sehingga 3 tuntutan setiap tahun polisi / setiap kenderaan |

**DEFINISI**

- Endorsmen** merujuk kepada dokumen yang **Kami** keluarkan kepada **Anda** untuk mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi Polisi asas.
- Hospital** bermaksud institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat dua puluh empat (24) jam jagaan jururawat yang berkecualan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, institusi mental, atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol atau rumah jagaan orang tua.
- Pengamal Perubatan** bermaksud pakar perubatan yang berkelulusan dengan ijazah dalam Perubatan Barat yang berkecualan dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan.
- Tempoh Insurans** bermaksud tempoh tertentu dari tarikh permulaan hingga tarikh luput polisi insurans yang dibeli untuk perlindungan insurans seperti dinyatakan di dalam Jadual.
- Perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat kejadian, kemudian penundaan **Kenderaan Anda** ke **Bengkel** yang diminta oleh pemandu atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.

**MANFAAT-MANFAAT****1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN**

**Kami** akan membayar jumlah manfaat menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam Jadual bagi kecederaan anggota badan mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau satu atendan yang disebabkan oleh kemalangan ketika menaiki **Kenderaan Anda** dalam tempoh dua belas (12) bulan calendar dari tarikh kemalangan.

Manfaat ini memberikan perlindungan kepada sehingga dua (2) individu (pemandu dan/atau satu atendan) setiap kenderaan dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans**.

Manfaat ini diperluaskan untuk melindungi pemilik **Kenderaan Anda** dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambil kira sama ada dia berada di dalam **Kenderaan Anda** atau tidak. Jika **Kenderaan Anda** didaftarkan di bawah pertubuhan/koperasi/syarikat, pemilik **Kenderaan Anda** boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/manfaat ini.

## 2. HILANG UPAYA KEKAL

**Kami** akan membayar jumlah manfaat menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam Jadual bagi hilang upaya kekal akibat kecederaan anggota badan pemandu dan/atau atendan yang disebabkan oleh kemalangan ketika menaiki **Kenderaan Anda** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan.

### Jadual Pampasan

| Keterangan Pampasan Hilang Upaya                                          | Pampasan<br>(Peratus (%) daripada Amaun Prinsipal Diinsuranskan) |
|---------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki                               | 100                                                              |
| Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata                               |                                                                  |
| Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki                                |                                                                  |
| Kehilangan penglihatan sebelah mata dan sama ada sebelah tangan atau kaki |                                                                  |
| Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki                              | 50                                                               |
| Kehilangan penglihatan sebelah mata                                       |                                                                  |

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Agregat semua peratus boleh dibayar di bawah manfaat hilang upaya kekal untuk mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% amaun prinsipal diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual bagi setiap individu.

Jika berlaku tuntutan hilang upaya kekal yang kemudiannya diikuti oleh kematian pemandu dan/atau satu atendan akibat kemalangan yang sama, jumlah amaun yang akan dibayar tidak akan melebihi amaun prinsipal untuk kematian akibat kemalangan.

Manfaat ini diperluaskan untuk melindungi pemilik **Kenderaan Anda** dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambil kira sama ada dia berada di dalam **Kenderaan Anda** atau tidak. Jika **Kenderaan Anda** didaftarkan di bawah pertubuhan/koperasi/syarikat, pemilik **Kenderaan Anda** boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/manfaat ini.

Manfaat ini memberikan perlindungan kepada sehingga dua (2) individu (pemandu dan/atau satu atendan) setiap kenderaan dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans**.

## 3. PERBELANJAAN PERUBATAN

**Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam Jadual dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan, caj hospital dan yuran jururawat apabila pemandu dan/atau satu atendan perlu mendapatkan rawatan daripada **Pengamal Perubatan**, diwadkan dalam **Hospital** atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah akibat kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan ketika menaiki **Kenderaan Anda**.

Manfaat ini memberikan perlindungan kepada sehingga dua (2) individu (pemandu dan/atau satu atendan) setiap kenderaan dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans**.

## 4. ELAUN IHSAN BANJIR

**Kami** akan membayar amaun menurut pelan pilihan seperti yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Elaun Ihsan Banjir untuk kerosakan **Kenderaan Anda** akibat banjir, banjir kilat, limpahan air, parit atau sungai atau lumpur. **Anda** mesti mengemukakan laporan polis untuk kejadian banjir tersebut, gambar-gambar sebelum dan selepas kerja pembersihan dan/atau sebarang dokumen tambahan untuk pengesahan kepada **Kami**.

**Kenderaan Anda** perlu ditujukan atau ditunda ke **Bengkel** untuk penilaian tuntutan.

Manfaat ini adalah dihadkan kepada satu (1) kejadian dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Insurans** sahaja.

## 5. ELAUN EHSAN BAGI KERUGIAN PENUH/MENYELURUH / KECURIAN KERETA

**Kami** akan membayar amaun yang bersamaan dengan 10% daripada jumlah diinsuranskan **Kenderaan Anda** sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya **Kenderaan Anda** diisytiharkan sebagai kerugian penuh/menyeluruh atau dicuri dan tuntutan tersebut telah dibayar di bawah Seksyen A Polisi.

Manfaat ini hanya akan dibayar jika **Kenderaan Anda** tidak dapat dijumpai / diperolehi kembali dalam tempoh 21 hari dari tarikh kerugian.

## 6. PERKHIDMATAN BANTUAN KEROSAKAN KENDERAAN DAN TUNDA (DI DALAM MALAYSIA SAHAJA)

**Kami** akan memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan ketika berlaku kerosakan **Kenderaan Anda**, di mana **Kenderaan Anda** tidak dapat bergerak dan memerlukan perkhidmatan bantuan pembaikan kecil tepi jalan. Apabila berlaku kerosakan, **Anda** dan/atau Pemandu Dibenarkan **Anda** mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1800 88 6333 untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Apabila menerima panggilan, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan mengaturkan seorang mekanik ke lokasi di mana **Kenderaan Anda** berlaku kerosakan atau mengalami kerosakan kecil untuk memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan.

Kos alat ganti, tukang kunci, bateri atau petrol yang diperlukan semasa perlaksanaan pembaikan kecil tepi jalan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan yang dilantik hendaklah dirundingkan dan dipersetujui antara **Anda** dan/atau Pemandu Dibenarkan **Anda** dan pembekal perkhidmatan. Kos-kos ini adalah di atas tanggungjawab **Anda** dan/atau Pemandu Dibenarkan **Anda**.

Sekiranya bantuan pembaikan kecil tepi jalan tidak sesuai untuk menggerakkan **Kenderaan Anda**, **Kami** akan mengaturkan tunda ke bengkel servis terdekat atau ke destinasi yang ditentukan oleh **Anda** dan/atau Pemandu Dibenarkan **Anda** dan dipersetujui oleh **Kami** dalam had jarak menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam Jadual. Perkhidmatan tunda adalah tidak termasuk caj tol. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa dan bayaran letak kereta (jika ada) adalah tidak ditanggung.

## PERUNTUKAN KHAS

1. Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah **Endorsmen** ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada Ekses akan dikenakan. Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan.
2. **Endorsmen** ini tidak memberi perlindungan untuk manfaat 1 dan 2 di bawah keadaan-keadaan berikut:
  - (a) Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh
    - (i) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia berlaku akibat luka dari kemalangan);
    - (ii) apa-apa sakit atau penyakit; atau
    - (iii) rawatan perubatan atau rawatan pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh **Endorsmen** ini dan berlaku dalam tempoh yang dinyatakan di dalam **Endorsmen**)
  - (b) Sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
  - (c) Mencederakan diri sendiri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
  - (d) Kerugian yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pemusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, insureksi, persubahatan, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau darurat atau mana-mana peristiwa yang mencetuskan deklarasi undang-undang tentera atau darurat, rampasan, kuarantin, atau undang-undang adat atau nasionalisasi oleh atau dibawah arahan kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat-alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di dalam masa tenteram atau peperangan. Pengecualian ini tidak dipengaruhi oleh sebarang **Endorsmen** yang tidak merujuk secara khusus kepada perkara yang tersebut di atas, secara keseluruhan atau sebahagian. Orang Yang Diinsuranskan seharusnya, jika diminta, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti **Kami**, membuktikan bahawa kerugian tersebut tidak timbul di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab yang tersebut di atas.
  - (e) Sebarang kerugian yang berlaku semasa kenderaan komersial digunakan untuk tujuan sewa, perlumbaan, rali jalan raya, ujian kelajuan atau kegunaan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
  - (f) Pemandu tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan atau tidak mempunyai kelayakan untuk memiliki atau memperoleh lesen memandu yang sah di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia.
  - (g) Kenderaan tersebut digunakan untuk aktiviti/perniagaan tidak sah atau sebagai pengangkutan yang tidak berlesen.
  - (h) Kelahiran anak, keguguran atau kehamilan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada pemandu dan/atau atendan semasa memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kenderaan Anda**.
  - (i) Pemandu di bawah pengaruh minuman keras, arak yang memabukkan atau dadah-dadah.
3. **Endorsmen** ini tidak memberi perlindungan untuk manfaat 6 di bawah keadaan-keadaan berikut:
  - (a) Perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan.
  - (b) Kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.
  - (c) Petrol, caj tol, bayaran letak kereta, caj penginapan dan telefon melainkan dinyatakan secara khusus.
  - (d) Perkhidmatan tunda untuk **Kenderaan Anda** selepas ia dihantar untuk kerja mengecat.
  - (e) Bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan kerosakan akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** dapat menghantar bantuan ke lokasi **Kenderaan Anda**.
  - (f) **Kenderaan Anda** terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan).
  - (g) Kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana **Anda** atau Pemandu Dibenarkan **Anda** menyertai secara sengaja.
  - (h) Sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **Anda** atau Pemandu Dibenarkan **Anda** atau semasa menggunakan **Kenderaan Anda** untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang.
  - (i) Apabila **Kenderaan Anda** berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap.
  - (j) Apabila **Kenderaan Anda** masih boleh dipandu dan tidak menimbulkan sebarang risiko semasa memandu dari segi undang-undang.
  - (k) Apabila **Anda** atau Pemandu Dibenarkan **Anda** meminta untuk mendapatkan perkhidmatan tunda kali kedua untuk kejadian yang sama.
  - (l) Perkhidmatan tunda untuk treler (perkhidmatan disediakan kepada penggerak utama sahaja).
  - (m) Perkhidmatan tunda **Kenderaan Anda** apabila berat badan **Kenderaan Anda** melebihi kapasiti berat yang direka seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi pengeluaran **Kenderaan Anda**.
  - (n) Sebarang permintaan tunda disebabkan oleh penarikan balik pengeluaran kenderaan melainkan terdapat kejadian yang dilindungi bawah Polisi **Anda**.
  - (o) Sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan tindakan yang **Kami** ambil atau keputusan yang **Kami** buat, **Anda** boleh mengambil tindakan menerusi Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan secara alternatif, boleh mengemukakan laporan dan mendapatkan bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau menghubungi BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) Bank Negara Malaysia yang dinyatakan dalam polisi insurans asas **Anda**.